

PSIKOLOGI PENDIDIKAN

1

KONSEP DAN SEJARAH PERKEMBANGAN PSIKOLOGI

Azizi Yahaya

PENGENALAN

Psyche bererti jiwa dan *logos* bererti kajian tentang sesuatu. Jadi Psikologi adalah satu kajian mengenai tingkah laku manusia yang dibuat secara sistematik dan saintifik. Ia satu disiplin ilmu yang mengkaji secara saintifik tingkah laku manusia atau haiwan, khasnya pemikiran, sikap, perasaan, naluri, potensi, kecerdasan, keperluan dan tindak balas manusia terhadap rangsangan persekitaran sosial.

Menurut Baller dan Charles (1968) dalam *The Psychology of Human Growth and Development* psikologi mengkaji tingkah laku manusia dengan menggunakan data dan prinsip yang telah dihimpunkan dengan teliti.

Davidoff (1976) menjelaskan bahawa psikologi adalah kajian saintifik tentang tingkah laku manusia atau haiwan secara nyata atau selindung. Kajian secara nyata (*overt*) merujuk kepada kajian tentang tingkah laku yang dapat diperhati, dinilai atau diukur. Contohnya mengapa kanak-kanak menghisap jari, bagaimana mereka belajar berjalan, bercakap atau berlari. Kajian selindung (*covert*) adalah kajian tentang keperluan, emosi, naluri, motivasi, kecerdasan dan sebagainya. Menurut Fantino (1974) psikologi adalah kajian saintifik tentang aktiviti mental seperti ingatan, mimpi, pemikiran kebimbangan dan tekanan.

PENDEKATAN PSIKOLOGI

1. Pendekatan Behaviorisme
2. Pendekatan Kognitif
3. Pendekatan Humanis
4. Pendekatan Psikoanalisis
5. Pendekatan Neurobiologi

KONSEP ASAS PSIKOLOGI

Psikologi telah didefinisikan sebagai kajian tingkah laku. Apakah yang mempengaruhi tingkah laku seseorang adalah naluri, keperluan, desakan dan motivasi.

Naluri: Menurut Freud, dia telah mengelaskan naluri kepada 2 iaitu naluri hidup yang berkaitan pertumbuhan dan perkembangan; dan naluri kematian iaitu bunuh diri. Naluri adalah perlakuan semula jadi yang merupakan kuasa daripada dalam yang menggerakkan seseorang meneruskan hidupnya.

Antara naluri-naluri yang utama adalah seperti :

1. Naluri ingin tahu-mendorong manusia ingin menyiasat
2. Naluri melarikan diri- mendorong untuk melepaskan diri dari ketakutan atau tekanan
3. Naluri ingin berkumpul- mendorong manusia untuk hidup berkumpul.
4. Naluri ingin meniru- menggerakkan seseorang untuk melakukan perbuatan orang lain.
5. Naluri ingin melawan-mendorong seseorang yang marah bertindak melawan terhadap penghalangnya.
6. Naluri mencari makan-dorongan yang wujud ketika dilahirkan.
7. Naluri minta pertolongan-berkehendakkan bantuan orang lain.
8. Naluri merendahkan diri-ia wujud apabila seseorang berasa dirinya lemah.
9. Naluri ingin runtuh dan membina- kanak-kanak suka merosakkan barang, mengoyak buku, memasang roda dan bahagian kenderaan.
10. Naluri memperagakan diri-apabila berasa diri pandai dan cekap.

Naluri ini wujud secara semual jadi dan diwarisi. Ia adalah kompleks dan agak kekal. Tingkah laku yang wujud hasil daripada naluri ini adalah sama bagi semua ahli dalam sesuatu kumpulan tertentu atau spesies. Kewujudannya bukan disebabkan oleh sebarang rangsangan.

Desakan: Ia timbul akibat satu-satu keperluan makanan, minuman, oksigen dan lain-lain yang tidak dipenuhi. Desakan terdiri daripada tiga iaitu:

- i desakan kelaparan;
- ii desakan kehausan; dan
- iii desakan seks

Contohnya semasa mengigil semasa sejuk. Gerak balas ini akan menyebabkan bulu roma berdiri dan memerangkap lapisan udara (penebat haba) yang memanaskan badan. Ataupun semasa dahaga, seseorang akan minum air untuk menyeimbangkan keadaan badan yang kehilangan air. Ciri desakan dapat dilihat adalah disebabkan kekurangan fisiologi dan ia akan berterusan sehingga keperluan fisiologi dapat diatasi. Setelah keperluan dipenuhi mengikut kadarnya ia akan hilang. Desakan merupakan rangsangan yang mendorong seseorang bertindak untuk memenuhi keperluan.

Keperluan: Istilah keperluan amat sesuai digunakan ketika menghuraikan mengenai motivasi sebenarnya. Ia bermakna suatu kekurangan yang dikehendaki oleh seseorang individu untuk berfungsi. Manusia mungkin kekurangan makanan, air, udara suhu optimum keseimbangan badan. Ia disebut sebagai keperluan asas. Keperluan fisiologi adalah keperluan keselamatan, kasih sayang, penerimaan dan penghargaan. Keperluan yang tertinggi adalah keperluan mencapai hasrat diri. Konsep ini menekankan kecenderungan manusia untuk mencurahkan perhatian dan tenaga demi untuk memenuhi desakan fisiologi. (Baller dan Charles, 1968). Maslow, pengasas idea keperluan mencadangkan hierarki keperluan yang terdiri daripada:

- i) Keperluan fisiologi contohnya dahaga dan lapar
- ii) Keperluan keselamatan contohnya menyelamatkan diri daripada ancaman.
- iii) Keperluan kasih sayang contohnya cinta, efeksi, penerimaan dan perasaan semasa berhubungan dengan ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat.
- iv) Self-esteem contohnya penguasaan dan keyakinan dalam diri, kecukupan dan kedudukan serta penerimaan dalam suatu kumpulan sosial.

- v) Keperluan pencapaian hasrat diri melalui pernyataan diri secara sendiri dan pencapaian sosial; keperluan untuk bebas (antara batasan keperluan umum dengan keperluan sosial; untuk menyakinkan segala keraguan dan untuk memahami diri orang lain. (Baller dan Charles, 1968).

Dalam teori keperluan Al-Ghazali pula mengelaskan dua bahagian jasad manusia yang memerlukan keperluan yang berlainan untuk dipenuhi. Yang pertama ialah jasad dan yang kedua ialah roh. Unsur keperluan manusia menurut Al-Ghazali ialah kerohanian, ilmu, adap, kuasa dan jasmani.

Motivasi atau pergerakan ialah kecenderungan organisma yang dirangsang oleh sesuatu insentif. Rangsangan terdiri daripada rangsangan dalaman (intrinsik) dan rangsangan luaran (ekstrinsik). Rangsangan dalaman adalah seperti reka cipta, bermain alat muzik dan mengatasi masalah. Contoh rangsangan luaran adalah seperti mendapat hadiah, mendapat pujian dan mendapat ganjaran. Jika kita lapar kita terdorong untuk mencari makanan. Setelah mencapai matlamat iaitu makanan motivasi akan berkurangan. Ciri-ciri ini tidak boleh diwarisi dan bukan bersifat semula jadi. Ia diwujudkan oleh keperluan Fisiologi dan psikologi. Motivasi cenderung untuk ke arah mencapai matlamat dan arasnya pula berbeza-beza antara satu sama lain. Lagi kuat keinginan lagi tinggi matlamat.

RUJUKAN

- Anita Woolfolk. (2004). *Educational Psychology*. 9th Edition. Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Anne Anastasi (1965), *Individual Differences*, USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Aplikasi Kognitif Dalam Pendidikan*, Pahang, PTS Publication & Distribution.
- Baller, W. R dan Charles, D.C. 1986 *The Psychology of Human Growth and Development*. Rein Holt New York
- Bell, Paul A; Greene, Thomas C.; Fisher, Jeffrey D.; Baum, Andrew (1996). **Environmental Psychology (Fourth Edition)**. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Eggen, P. & Ksachak, D. (2001). "Educational Psychology Windows On Classrooms". 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- Fisher, Jeffrey D; Bell, Paul A; Baum, Andrew (1978). **Environmental Psychology (Second Edition)**. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Flavell J.H. (1977). "Cognitive Development" New Jersey : Prentice-Hall, Inc.
- Flawell, John H.; Miller, Patricia H.; Miller, Scot A. (1993). **Cognitive Development (Third Edition)**. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York : Holt, Rinehart & Winston.
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.